



**Ghapur sokong cadangan Pusat bayar royalti minyak Sabah lebih tinggi-Muka 3**



**SMA Kunak akan dinaiktaraf penuhi keperluan m'rkat Islam: Mohd Arifin-Muka 5**

# UMS akan terus jalin kerjasama dengan universiti luar negara

NST 5.6.2014

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus menjalin kerjasama dengan universiti luar negara kerana kerjasama seperti itu mampu meningkatkan pembangunan UMS pada masa depan, kata Naib Canselor Prof Datuk Mohd Harun Abdulla.

Beliau berkata kerjasama seumpama itu akan memberi ruang dan peluang kepada UMS untuk berkongsi idea, strategi pembelajaran dan latihan industri dengan universiti luar sekaligus memberikan manfaat kepada pelajar dan pensyarah.

“Sebagai contoh kerjasama yang dijalin bersama Universiti Wolverhampton di Timor Leste dalam bidang minyak dan

gas,” katanya ketika berucap pada majlis malam penghargaan kepada pelajar antarabangsa UMS di sini malam Rabu.

Harun berkata pada masa ini UMS mempunyai 470 pelajar antarabangsa dari 33 buah negara - 390 mengambil kursus ijazah sarjana dan 80 mengikuti pengajian sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Pada majlis itu, Harun turut melancarkan penubuhan Persatuan Pelajar Antarabangsa UMS (UMSIS) yang diketuai pelajar tahun akhir Pengajian Pentadbiran Perniagaan, Wang Yung Qu.

Pada majlis itu, sebanyak 21 pelajar antarabangsa yang cemerlang dalam bidang akademik dan kurikulum, menerima anugerah daripada UMS.